

Maklumbalas Mengenai KPLI-SR Ambilan Januari 2011 bagi SJKC
Di Kemukakan Oleh Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (UCSTAM)

Bil.	Perkara	Maklumbalas
1.	KPLI-SR Ambilan Januari 2011 tidak menawarkan bidang pengkhususan Bahasa Cina bagi SJKC.	Untuk pengetahuan Y. Bhg. Tan Sri, Jawatankuasa Keperluan Unjuran yang dipengerusikan oleh Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM telah mengunjurkan bahawa tiada keperluan bagi bidang pengkhususan Bahasa Cina di SJKC Ambilan Januari 2011. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan bagi pengkhususan Bahasa Cina di SK. Seramai 100 orang calon guru akan diambil bagi bidang pengkhususan tersebut. Sebelum pihak BPPDP KPM mengeluarkan unjuran keperluan calon guru, mereka telah membuat kajian dan penyelidikan yang terperinci berdasarkan data yang diterima daripada Bahagian berkaitan di KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri.
2.	Menetapkan syarat yang mewajibkan calon (bagi mereka yang bakal mengajar Tahap 1) memiliki kepujian Bahasa Cina di peringkat SPM bagi permohonan bidang pengkhususan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris SJKC	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris merupakan medium komunikasi yang seharusnya digunakan sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Tiada keperluan bagi KPM untuk menetapkan syarat wajib kepujian Bahasa Cina di peringkat SPM bagi bidang pengkhususan ini. Penetapan guru yang akan mengajar sama ada pada Tahap 1 atau Tahap 2 di adalah di tentukan oleh pihak pentadbir sekolah.
3.	Kebimbangan terhadap perbuatan KPM yang tidak menetapkan syarat bahawa calon-calon yang mengikuti KPLI-SR Ambilan Januari 2011 bagi bidang pengkhususan SJKC harus mempelajari Bahasa Cina sebagai mata pelajaran minor.	Penetapan mata pelajaran minor bagi memenuhi keperluan calon guru KPLI yang dilatih di 27 buah Institut Pendidikan Guru berdasarkan kapasiti IPG berkenaan dari segi kemampuan, tenaga pengajar, kemudahan prasarana serta kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang diselia oleh Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.